



MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
(Human Resources Development Council)
WISMA PSMB, JALAN BERINGIN
DAMANSARA HEIGHTS
50490, KUALA LUMPUR.

Tel : 03- 2096 4800

Fax : 03- 2096 4999

PEKELILING MAJIKAN BIL.6 /1995
TUNTUTAN BAYARAN BALIK KOS LATIHAN TAHUN 1995 YANG TELAH DITOLAK

Sukacita dimaklumkan Majlis dalam mesyuaratnya baru-baru ini telah bersetuju supaya majikan dibenarkan sehingga akhir tahun 1995 untuk mengemukakan tuntutan-tuntutan bayaran balik kos latihan yang dibenarkan bagi program-program yang dijalankan dalam tahun 1995. Dengan perkataan lain, majikan dibenarkan sepanjang tahun berkenaan untuk mengemukakan tuntutan dan tidak lagi dihadkan kepada dua bulan atau tiga bulan selepas tamatnya sesuatu program latihan untuk mengemukakan tuntutan di bawah skim-skim latihan berkenaan. Walau bagaimanapun, majikan adalah digalakkan mengemukakan tuntutan mereka dengan seberapa segera yang boleh setelah tamatnya sesuatu program latihan.

2. Berdasarkan kepada keputusan tersebut, para majikan adalah dibenarkan mengemukakan semula tuntutan tahun 1995 yang telah ditolak sebelum ini untuk dipertimbangkan dengan syarat tuntutan berkenaan adalah lengkap serta mempunyai kelulusan di bawah skim SBL ataupun PLT. Sungguhpun demikian, pihak majikan hendaklah mengemukakan selewat-lewatnya pada 24 Disember 1995 bagi membolehkan tuntutan berkenaan ditolak daripada levi yang dicarum pada tahun 1994.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(YAU DE PIYAU)

Ketua Pengarah,
Majlis Pembangunan Sumber Manusia